

Headline **Syabu pembunuh!**  
Date **18 Sep 2009**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **Suhana Md. Yusop**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **14**  
Article Size **415 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,608**  
PRValue **10,825**



# Syabu pembunuh!

Pengambilan syabu secara kronik atau berulang akan mengubah fungsi otak yang akan menyebabkan emosi, memori dan kognitif seseorang terganggu dan seterusnya mewujudkan simptom-simptom psikosis (gila) seperti halusinasi, delusi dan paranoid.

Oleh **SUHANA MD. YUSOP**  
suhana.yusop@kosmo.com.my

**P**ERCAYA atau tidak, penagih dadah jenis syabu boleh hilang kawalan dan bertindak agresif seperti membunuh, merogol dan mencederakan orang lain.

Berbanding dengan kesan penyalahgunaan dadah tradisional seperti heroin dan morfin, penagih syabu juga terdedah kepada jangkitan HIV/AIDS, Hepatitis B dan C jika mereka berkongsi jarum suntikan dan mengamalkan hubungan seks rambang.

Itu antara kesan negatif yang akan berlaku jika seseorang itu menjadi penagih dadah sintetik, Methamphetamine atau nama jalaannya, syabu.

Syabu adalah dadah perangsang yang seakan-akan sama dengan Amphetamine Type Stimulant (ATS). Ia membuatkan daya tahan badan lebih lama dan lebih toksik sekali gus memberi kesan kepada Sistem Saraf Pusat ataupun Central Nervous System (CNS).

Selain itu, ia berpotensi tinggi untuk disalahguna dan menjadi ketagih.

Lebih membimbangkan, ia boleh dihasilkan oleh makmal-makmal haram atau ha-

nya di belakang rumah dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh didapati dengan mudah dan murah.

Tahukah anda, pengambilan syabu akan menyebabkan berlakunya peningkatan Dopamine iaitu sejenis cecair kimia di dalam otak yang dikenali *neurotransmitter*.

Penghasilan Dopamine yang banyak akan menyebabkan kesan psikologikal Euphoria atau keseronokan melampau di dalam diri seseorang yang mengambilnya.

Pengambilan syabu secara kronik atau berulang akan mengubah fungsi otak yang akan menyebabkan emosi, memori dan kognitif seseorang terganggu dan seterusnya mewujudkan simptom-simptom psikosis (gila) seperti halusinasi, delusi dan paranoid.

Ketagihan yang merupakan sejenis *Chronic Relapsing Disease* itu juga boleh berlaku jika seseorang terus mengambil syabu dalam satu jangka masa yang lama. Ia akan menyebabkan berlakunya pertukaran molekul dan kimia di dalam otak seseorang pengguna syabu yang tegar.

Kajian oleh National Institute of Drug Abuse (NIDA) mendapati kesan penagihan syabu kepada kandungan ibu hamil adalah kelahiran bayi pra-matang, pembesaran bayi terganggu dan perkembangan otak serta jan-tung bayi terjejas.

Selain daripada syabu, dadah Methamphetamine itu juga diberi nama jalaannya seperti *ice, yaba, speed, chalk, kristal* dan *glass*.

Secara fizikal, dadah itu berbentuk seperti kaca pecah atau serbuk kristal atau tawas. Warnanya putih, tidak berbau, rasa pahit dan mudah bercampur dalam air.

Terdapat beberapa cara syabu diambil iaitu secara oral (makan), menyedut (*Chasing the Dragon*) dan juga suntikan.

Di Malaysia, masalah penyalahgunaan ATS bermula sejak tahun 1996 apabila pelajar-pelajar yang balik dari menuntut di luar

negara membawa masuk ATS sehingga bilangan penagih yang menggunakan dadah jenis itu meningkat dengan begitu ketara.

Pada tahun 1997, statistik AADK menunjukkan pengguna dadah yang kesian menggunakan ATS iaitu pil ecstasy, syabu dan amphetamine adalah 108 orang atau 0.3 peratus daripada keseluruhan jumlah penagih pada tahun tersebut.

Sehingga Jun 2009, sebanyak 17.48 peratus daripada seluruh penagih menggunakan dadah jenis itu dan menjadikan ia jenis dadah ketiga yang digunakan di negara ini.

Menyusuri sejarah, penggunaan syabu bermula pada era Perang Dunia Kedua di mana pihak tentera Jepun menggunakannya untuk menentang musuh.


Mulai tahun 1941, penyalahgunaan ATS berleluasa di Jepun dan syabu telah dijual di kaunter sebagai *philopon* dan *sedrin* untuk menahan rasa mengantuk dan meningkatkan kecerdasan.

Apabila peperangan berakhir, bekalan syabu mula dipasarkan secara sah dan dianggarkan antara 550,000 hingga 1.5 juta orang Jepun mengambil syabu dan ia merupakan 'epidemik ATS' yang pertama.

Kerajaan Jepun memperkenalkan kawalan yang ketat melalui Stimulant Control Law 1951 apabila kecelaruan psikiatrik melalui penggunaan syabu meningkat (anggaran 10 peratus daripada pengguna).

Di Amerika Syarikat pula, pada tahun 1950-an, pengeluaran dan penjualan dextroamphetamine (Dexedrine) dan methamphetamine (Methedrine) adalah sah di sisi undang-undang.

Pada masa itu, bahan tersebut digunakan secara berleluasa oleh pelajar kolej, pemandu lori dan ahli sukan dan keadaan itu mengakibatkan bahan tersebut disalahguna.



Headline **Syabu pembunuh!**  
Date **18 Sep 2009**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **Suhana Md. Yusop**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **108,796 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **14**  
Article Size **415 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **3,608**  
PRValue **10,825**

